

NO. SOALAN: 423

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : TUAN SYED IBRAHIM BIN SYED NOH
[LEDANG]

SOALAN NO. 423

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan status terkini projek dan peratus kemajuan serta tarikh dijangka siap bagi setiap kerja-kerja membaik pulih prasarana sekolah-sekolah Kerajaan di dalam Parlimen Ledang.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) menyalurkan peruntukan penyelenggaraan dan pembaikan sekolah termasuk di Parlimen Ledang secara berperingkat berdasarkan skala kerosakan dalam Skor Gred Impak yang disyorkan oleh Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) dan Jabatan Kerja Raya (JKR) bagi membolehkan kerosakan-kerosakan kritikal pada bangunan dan infrastruktur ditangani terlebih dahulu. Bagi tahun 2019, peruntukan yang telah disalurkan untuk penyelenggaraan dan pembaikan sekolah-sekolah di Negeri Johor adalah sebanyak 14.76 juta. Manakala peruntukan yang disalurkan melalui JPN dan JKR untuk Parlimen Ledang adalah sebanyak 2.34 juta.

RT52/423